

Penduduk tinggal berdekatan tanah mendap perlu pindah segera

Kampung Pindah tidak selamat

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Ogos – Penduduk Kampung Pindah, Kampung Baru di sini tetap perlu mengosongkan rumah mereka secepat mungkin bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan tanah mendap dapat dilakukan segera.

Tambahan pula, keadaan di sekitar kawasan berlakunya tanah mendap itu sudah disahkan tidak selamat.



ADNAN MD. IKHSAN

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Adnan Md. Ikhsan berkata, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) telah mengenal pasti 18 buah rumah berada di kawasan tidak stabil.

“Daripada jumlah itu, enam buah disahkan agar penghuninya mengosongkan rumah mereka untuk dirobohkan sepenuhnya kerana berada dalam keadaan kritikal.



TANAH mendap yang berlaku di Kampung Pindah, Kampung Baru, Kuala Lumpur menyebabkan kawasan sekitarnya tidak stabil dan memaksa DBKL mengeluarkan notis mengosongkan rumah kepada penduduk.

“Lapan buah rumah lagi hanya perlu dibaiki, manakala empat buah rumah lain akan diperiksa semula sama ada ia perlu dirobohkan atau tidak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Perba-

danan Pembangunan Kampung Baru (PPKB), Datuk Astaman Abdul Aziz dan Pengarah JPS Kuala Lumpur, Abu Bakar Mohd. Yusof di sini hari ini.

Pada 17 Ogos lalu, Jawatankuasa Bertindak Terowong Sungai Bunus, Kampung Pindah mengeluh menge-

nai nasib mereka yang menerima notis keluar rumah daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ekoran masalah tanah mendap yang berlaku di kawasan berkenaan.

Menurut Adnan, kerja-kerja pembaikan tersebut dijangka mengambil masa kira-kira setahun ter-

masuk proses mengosongkan rumah, meroboh dan membina semula sebelum memastikan tanah tersebut stabil.

“Rumah-rumah yang perlu diroboh itu tidak selamat untuk diduduki dan kita risau berlaku apa-apa kejadian yang tidak diinginkan selepas ini.

“Justeru, saya merayu kepada semua penghuni agar dapat mengosongkan rumah mereka segera. Mereka yang tidak menerima notis daripada Ikram bermakna selamat untuk tinggal,” katanya.

Tanah mendap yang berlaku pada 15 April tahun lalu mengeluarkan air dan pasir sebelum membentuk dua lubang besar sehingga mengakibatkan Jalan Syed Mahadi yang bahagian bawahnya terdapat sungai bawah tanah (Sungai Bonus) mendap serta membentuk dua buah lubang besar.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, pihaknya merancang untuk menutup palong bawah tanah di situ sebagai langkah penyelesaian jangka panjang terhadap masalah itu.

“Namun, ia memerlukan aliran air alternatif dibina terlebih dahulu sebelum palong sedia ada ditimbus dan ia akan mengambil masa yang lama untuk melakukannya,” katanya.